

30,000 Unit Rumah Dibina Bagi Kelas Pertengahan Dan Bawah - Kata Raja Nong Bernama
8 April, 2013

PUTRAJAYA, 8 April (Bernama) -- Dasar Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (RUMAWIP) dilancarkan bagi membolehkan golongan isi rumah berpendapatan bulanan RM6,000 dan ke bawah memiliki kediaman sendiri di Wilayah Persekutuan dengan harga mampu beli.

Dalam ucapan pelancaran di sini, Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin berkata, sebanyak 30,000 unit rumah akan dibina dalam tempoh lima tahun, membabitkan 20,000 unit di Kuala Lumpur, 8,000 unit di Putrajaya dan 2,000 unit di Labuan.

Beliau berkata tiga jenis rumah dibangunkan iaitu rumah harga rendah tiga bilik tidur bernilai RM63,000 di Kuala Lumpur, dan RM52,000 di Labuan (3 bilik tidur); rumah harga sederhana rendah bernilai RM63,000-RM150,000 (3 bilik tidur) dan rumah harga sederhana bernilai RM150-RM300,000 (2 bilik tidur dengan kemas dalam lebih lengkap dan menarik).

Katanya, kerajaan meluluskan dasar perumahan tersebut untuk kelas pertengahan dan bawahan (sebelum pembubaran parlimen lagi) selepas mengambil kira kebajikan golongan berpendapatan lebih daripada RM2,500 sebulan di Wilayah Persekutuan yang menghadapi kesukaran untuk memiliki rumah sendiri.

"Mereka tidak layak memiliki rumah kos rendah dan pada masa sama tidak mampu pula untuk membeli rumah kerana kebanyakan rumah yang ditawarkan di pasaran terbuka melebihi kemampuan sebenar mereka. Jadi kita perkenalkan RUMAWIP," katanya di sini, Isnin.

Mengikut statistik Jabatan Perangkaan Malaysia terdapat sebanyak 58 peratus daripada isi rumah di Wilayah Persekutuan tergolong di bawah mereka yang berpendapatan bulanan RM5,000 dan ke bawah.

Manakala mengikut jenis pemilikan rumah pula, 47.5 peratus adalah menyewa di Kuala Lumpur, 89.8 peratus bagi Putrajaya dan 36.1 peratus bagi Labuan berbanding 25.1 peratus di peringkat nasional.

"Ini jelas membuktikan hampir separuh daripada penduduk di Wilayah Persekutuan merupakan penyewa dan diandaikan jika mereka ingin rumah sendiri, maka masih banyak rumah yang perlu dibina bagi keperluan kelompok ini," katanya.

Untuk memohon rumah tersebut pemohon mestilah warganegara Malaysia berumur sekurang-kurangnya 21 tahun ke atas dan bermastautin atau bekerja di Wilayah Persekutuan tidak kurang dari 3 tahun; pemohon isi rumah tidak memiliki sebarang rumah di Wilayah Persekutuan.

Selain itu, rumah yang dibeli tidak boleh dijual dalam tempoh 10 tahun dari tarikh pembelian dan pembeli hendak mendiami rumah yang dibeli dan tidak boleh disewakan kecuali dengan kebenaran daripada agensi khas merancang dan mengawal selia RUMAWIP.

"Pihak kementerian akan memantau agar penyediaan rumah mampu milik ini disediakan

mengikuti spesifikasi dan piawaian yang telah ditetapkan agar kawasan perumahan ini selesai, harmoni dan mempunyai kemudahan-kemudahan yang lengkap," jelasnya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=940476>